



**TEKS UCAPAN
YANG BERHORMAT
PEHIN DATU LAILARAJA MEJAR JENERAL (B) DATO PADUKA SERI
HAJI AWANG HALBI BIN HAJI MOHD YUSSOF
MENTERI PERTAHANAN II**

*MAJLIS PELANCARAN BUKU DDWS MANAGEMENT PLAN,
PENYAMPAIAN SIJIL ISO 9001:2015,
QUALITY MANAGEMENT SYSTEMS*

KEMENTERIAN PERTAHANAN

HARI KHAMIS,

03 MUHARRAM 1440H / 13 SEPTEMBER 2018M

JAM : 2.30 PETANG

**DEWAN WIRA SENI,
BANGUNAN PANCARAGAM,
BOLKIAH GARISON**

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ، وَالصَّلَاةُ وَسَلَامٌ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Mulia

Laksamana Pertama (Laut) Pengiran Dato Seri Pahlawan

Norazmi bin Pengiran Muhammad,

Pemangku Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei

Yang Mulia

Brigedier Jeneral (Bersara) Dato Seri Pahlawan Shahril Anwar

bin Haji Ma'awiah,

Setiausaha Tetap, Kementerian Pertahanan

Yang Mulia,

Awang Haji Mohd Zakaria bin Haji Sarudin,

Pemangku Setiausaha Tetap, Kementerian Pertahanan

Yang Mulia,

Awang Haji Amiruddin bin Haji Mohd Hassan,

Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Pertahanan

Yang Mulia,

Pemerintah-Pemerintah Tentera & Pemerintah Angkatan
Bersama

Yang Mulia,

Dr Haji Kamaruddin bin Dato Seri Paduka Haji Talip,
Pengerusi/Pengarah Bureau Veritas Brunei

Yang Mulia,

Pengarah-pengarah, Komandan-komandan,
Jemputan-jemputan khas, serta hadirin dan hadirat
yang di rahmati Allah yang peramba/saya hormati sekalian

1. Alhamdulillah, segala puji dan syukur ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dengan rahmat dan izinNya jua, kita dapat berkumpul pada petang Khamis, di awal bulan Muharram yang penuh keberkatan ini bagi **Majlis Pelancaran Buku *DDWS Management Plan*, dan Penyampaian Sijil ISO 9001:2015 *Quality Management Systems*.**

2. Selawat dan salam atas Junjungan Besar kita, Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam, kaum kerabat, para sahabat dan pengikut-pengikut baginda yang sentiasa taat setia lagi jujur berjihad menegakkan syiar Islam hingga ke akhir zaman.

3. Pada kesempatan awal dan istimewa ini, terlebih dahulu saya sukacita ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Pengerusi Majlis, Yang Mulia Hajah Marliyana binti Abdullah Fung, Pengarah Pembangunan dan Perkhidmatan Kerja kerana mengundang saya hadir selaku tetamu kehormat Majlis Pelancaran Buku *DDWS Management Plan*, dan Penyampaian Sijil ISO 9001:2015 yang sangat bermakna dan bersejarah ini. Bermakna dan bersejarah kerana ianya dilancarkan bersukut baik bulan Muharram bulan penghijrahan.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

4. Saya mengambil maklum bahawa pelancaran buku *DDWS Management Plan* ini adalah buat kali pertama, untuk

menandakan perubahan atau langkah penghijrahan Jabatanarah Pembangunan dan Perkhidmatan Kerja dalam jangka masa panjang ke arah yang memfokuskan dan memenuhi keperluan pihak pengguna dan seterusnya bagi mempertingkatkan perkhidmatan sepenuhnya untuk lebih menyokong Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB).

5. Setinggi-tinggi ucapan tahniah dan syabas kepada Jabatanarah Pembangunan dan Perkhidmatan Kerja atas usaha yang gigih dalam melengkapkan dan seterusnya dapat melancarkan buku *DDWS Management Plan*. Buku ini dapat dijadikan satu *roadmap* dan sumber rujukan utama yang bertujuan untuk merealisasikan visi Jabatanarah tersebut iaitu **untuk menyediakan infrastruktur bagi Kementerian Pertahanan yang Berkualiti, Mampan dan Pintar (*Smart*)**. Buku ini adalah merupakan titik permulaan dalam menyediakan asas bagi dasar pembangunan dan pemeliharaan di perkhemahan-perkhemahan dalam jangka masa panjang. Dengan adanya pelan ini, setentunya akan dapat membantu

Jabatanarah Pembangunan dan Perkhidmatan Kerja dalam menyediakan pengurusan tenaga kerja yang kukuh dan bertanggungjawab, Bahagian Kemajuan Projek yang berkesan dan inovatif serta Bahagian Pemeliharaan Estet yang responsif dan berdaya tahan.

6. Selaras dengan inisiatif berkenaan, saya juga mengambil maklum bahawa Jabatanarah Pembangunan dan Perkhidmatan Kerja telahpun dianugerahkan oleh Bureau Veritas Brunei dengan sijil *ISO 9001:2015 Quality Management Systems* pada Januari 2018 yang lalu iaitu berdasarkan kepada penyediaan perkhidmatan yang berkualiti dan efektif dalam pengurusan dan proses pelaksanaan projek-projek Kementerian Pertahanan, pemeliharaan perkhemahan-perkhemahan yang berterusan, pentadbiran am yang jelas dan berkesan serta pengurusan bajet yang bijak dan cermat.
7. Dalam hubungan ini, saya amat menyanjung tinggi usaha murni yang diungkayahkan oleh Jabatanarah Pembangunan dan Perkhidmatan Kerja kerana pensijilan tersebut membuktikan ikhtiar gigih untuk terus

mempertingkatkan perkhidmatan yang dapat mendokong visi dan misi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei. Saya percaya dan yakin bahawa penyampaian sijil *ISO 9001:2015 Quality Management Systems* pada hari ini, merupakan satu pengesahan dan pengiktirafan bahawa Jabatanarah Pembangunan dan Perkhidmatan Kerja telah mematuhi piawaian antarabangsa agar dapat melaksanakan strategi-strategi di dalam *DDWS Management Plan* dengan lebih efektif untuk membolehkan pencapaian matlamat dan objektif-objektif Kementerian Pertahanan. Sijil ini juga menunjukkan konsistensi Jabatanarah Pembangunan dan Perkhidmatan Kerja dalam perkhidmatan mereka yang memenuhi keperluan semasa ABDB.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

8. Dalam kesempatan yang baik ini, sukacita juga saya menyeru kepada semua pegawai dan kakitangan Jabatanarah Pembangunan dan Perkhidmatan Kerja di kesemua perkhemahan supaya akan dapat memahami dan seterusnya melaksanakan langkah-langkah dalam

pelan tersebut untuk mempersiapkan diri untuk transformasi atau berhijrah ke arah organisasi yang lebih dinamik dan berpotensi dalam mengekalkan imej perkhemahan-perkhemahan tentera yang kredibel, dipandang tinggi dan bebas daripada pencemaran dalam pada masa yang sama membolehkan pelaksanaan tanggungjawab mempertahankan kedaulatan negara.

9. Mengenai dengan pentingnya membangun dan memastikan kelestarian di negara ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Hari Ulang Tahun Keputeraan Baginda Yang Ke-72 Tahun pada 15 Julai 2018 yang lalu antarlain Baginda bertitah : *"Ada ungkapan berbunyi : "Membangun Bandar Mesra Alam". Tetapi kita mengungkap: "Membangun Negeri Mesra Alam".* Dalam makna, kita bukan sahaja mahu bandar kita bersih, tetapi

seluruh Bumi Brunei Darussalam ini hendaknya bersih.
Demikian Titah Baginda.

10. Sayugia saya mengambil peluang ini juga untuk bersama-sama memperingatkan bahawa Bangunan Kementerian Pertahanan kini telah berusia 10 tahun pada 13 Ogos 2018 yang lalu dimana perasmian bangunan Kementerian Pertahanan Bolkiah Garison ini telah disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Menteri Pertahanan dan Pemerintah Tertinggi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei pada 13 Ogos 2008. Dalam hal ini, ternyata Jabatanarah Pembangunan dan Perkhidmatan Kerja berperanan besar di dalam pembangunan dan pemeliharaannya begitu juga halnya berperanan secara langsung ataupun tidak langsung kepada Kementerian ini amnya, dan amatlah sukar untuk dikira daripada sudut kuantitatif dan kualitatif. Dalam kontek ini salah satu daripada usaha jabatanarah tersebut adalah memperkenalkan perkhidmatan *Facilitites Management (FM)* yang berkualiti sejak Mei

2009 dalam melaksanakan perancangan dan pemeliharaan pelbagai prasarana dan infrastruktur di perkhemahan-perkhemahan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei bagi kebajikan dan kesejahteraan kita bersama. Tidak dapat dinafikan bahawa daripada usaha-usaha berkenaan telahpun banyak mencetuskan semangat kerjasama serta memupuk perpaduan dan keharmonian di seluruh lapisan warga Kementerian Pertahanan dan ABDB.

11. Walau bagaimanapun, juga disedari masih banyak lagi yang perlu dibuat selaras dengan tekanan dan cabaran masa kini yang kenyataannya telah banyak mengubah cara hidup dan cara manusia bekerja.
12. Dengan ini, adalah perlu diingatkan bahawa Jabatanarah Pembangunan dan Perkhidmatan Kerja hendaklah sentiasa berperanan menyokong ABDB dalam usaha-usaha mereka dan juga menjadikan infrastruktur di Kementerian ini sebagai *enabler* bahkan sebagai *precondition* utama bagi aktiviti-aktiviti pertahanan dan kesiapsiagaan angkatan tentera yang tinggi serta untuk

memberikan kebajikan kepada kesemua anggota-anggota ABDB dan kakitangan Kementerian Pertahanan.

13. Saya seterusnya berharap pelancaran ini tidak sekadar sebuah persembahan majlis semata-mata tetapi juga semestinya memperjuang objektif-objektif yang dinyatakan dalam *DDWS Management Plan* tersebut yang sekarang menjadi tugas dan tanggungjawab setiap pegawai dan kakitangan di Jabatanarah Pembangunan dan Perkhidmatan Kerja khasnya dan mana-mana rakan strategik lainnya untuk ianya di rujuk dan praktikkan menjadikan ianya '*best practices*' yang akan diamalkan dan diteladani. Dalam memudahkan perkara ini, alhamdulillah, buku ini telah diterbitkan dalam dua (2) bahasa iaitu Bahasa Melayu dan Inggeris.
14. Saya seterusnya berharap para pegawai dan kakitangan akan menunjukkan komitmen dalam mengoptimalkan keupayaan sumber tenaga manusia untuk melahirkan warga kerja yang produktif dan inovatif menyumbang kepada matlamat Kementerian Pertahanan dan juga

untuk menjadikan Brunei Darussalam sebagai sebuah negara yang maju dan berjaya diiktiraf secara meluas sebagai rakyatnya yang berpendidikan dan berkemahiran tinggi sepertimana yang dihasratkan dalam Wawasan 2035.

15. Buat akhirnya sebelum mengundurkan diri, saya sekali lagi merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada Pengarah, pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatanarah Pembangunan dan Perkhidmatan Kerja serta ahli-ahli Jawatankuasa Majlis dan berharap usaha murni dan signifikan ini akan terus maju secara berkesinambungan dengan pengemaskinian yang berfungsi searus masa dan keadaan yang akan datang.

Sekian.

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته